



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR  
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: K.L. 2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (5)dlm.JK/MP/16/1

Tarikh: 22 Disember 1999

Semua Majistret  
Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan

**PEKELILING PENDAFTAR BIL. 3 TAHUN 1999**  
**Penyediaan Buku Rekod bagi Tujuan Merekodkan**  
**Award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia**  
**di Mahkamah Majistret**  
**Seksyen 116 (2) Akta Perlindungan Pengguna 1999**

---

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia baru ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan pengguna yang nilainya tidak melebihi RM10,000.00.

3. Bagi tujuan penguatkuasaan, *Award* yang dibuat oleh tribunal tersebut hendaklah direkodkan (didaftarkan) di Mahkamah Majistret yang mempunyai bidangkuasa di tempat yang dengannya *award* itu berkaitan atau di tempat *award* itu dibuat.

4. Sehubungan dengan itu tuan/puan dikehendaki menyediakan satu buku rekod untuk tujuan tersebut dan membuka fail untuk penyimpanan satu salinan *award* tersebut. Contoh buku rekod seperti lampiran A.

5. Proses kerja terlibat bagi merekodkan *award* tersebut adalah dengan cara menurunkan cap mahkamah di atas salinan *award* dengan perkataan "**Award direkodkan pada...hb. ....1999**" dan hendaklah ditandatangani oleh Majistret atau Pendaftar Mahkamah Rendah. Satu salinan *award* hendaklah disimpan oleh mahkamah dan salinan yang lain hendaklah dikembalikan semula kepada Setiausaha Tribunal Tuntutan pengguna untuk tindakan.

6. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



( MAT ZARAAI BIN ALIAS )

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
93506 Kuching

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
93506 Kuching

Pengerusi  
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia  
Tingkat 16 Putra Place  
100 Jalan Putra  
50622 Kuala Lumpur



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

MZA/iz  
award

MAJLIS PERAKSI

*[Handwritten signature]*  
MAJLIS PERAKSI  
Kuala Lumpur

Y.A.A. KAMAR HANIZAH  
Kementerian Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. KAMAR HANIZAH  
Kementerian Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. KAMAR HANIZAH  
Kementerian Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

LAMPIRAN A

BIL.	NO. PENDAFTARAN	NO. AWARD	PIHAK-PIHAK	TANDATANGAN MAJISTRET DAN COP